

Company Name : Wasco Greenergy Berhad
Date : 17 March 2026
Source : Berita Harian

Greenergy manfaat dana IPO kembang portfolio, kukuh depan tekanan pasaran



Oleh [Wartawan BH](#) - Mac 17, 2026 @ 5:20pm



Plan biomas Wasco Greenergy Bhd.

KUALA LUMPUR: Penyedia sistem tenaga boleh diperbaharui terkemuka, Wasco Greenergy Bhd (Greenergy), merancang untuk memanfaatkan lebih 50 peratus daripada dana Tawaran Awam Permulaan (IPO) bagi mengembangkan portfolio pemilikan asetnya di bawah model bina, milik dan kendali (BOO).

Syarikat yang mula disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 11 Disember 2025 dengan harga RM1.00 sesaham itu, telah berjaya mengumpul kira-kira RM75 juta daripada bahagian awam tawarannya.

Berdasarkan kenyataan akhbar, Greenergy mendedahkan bahawa kira-kira 50.9 peratus daripada hasil IPO telah diperuntukkan untuk pengembangan pemilikan aset dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Pelaburan berkenaan merangkumi aset penjana stim biojisim dan infrastruktur berkaitan.

Menurut syarikat berkenaan, langkah ini selaras dengan keutamaan pertumbuhan strategiknya untuk mengembangkan portfolio BOO.

Melalui model ini, Greenergy bukan sahaja bertindak sebagai pembekal teknologi, tetapi juga memiliki serta mengendalikan aset tenaga untuk pelanggannya.

Syarikat turut meninjau peluang di pasaran jiran Asia Tenggara secara selektif untuk pembangunan portfolio berkenaan.

Dalam pada itu, baki 28.7 peratus daripada hasil dana IPO akan dimanfaatkan untuk peningkatan keupayaan, pendigitalan, serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Ini merangkumi usaha menaik taraf bengkel, memperluas kapasiti perkhidmatan, dan menyediakan alat penyelenggaraan ramalan.

Selain itu, 7.3 peratus diperuntukkan untuk menyokong strategi pertumbuhan serantau di Indonesia, yang melibatkan pembukaan pejabat jualan baharu di Jakarta serta dua pusat perkhidmatan tambahan di Pekanbaru dan Sulawesi.

Pendedahan mengenai peruntukan modal ini hadir ketika syarikat berdepan dengan sedikit tekanan ke atas harga sahamnya selepas penyenaian.

Namun, pihak pengurusan memberi jaminan bahawa asas perniagaan dan strategi Greenergy kekal kukuh dan berada pada landasan yang betul.

Ketua Pegawai Eksekutif Wasco Greenergy, Lee Yee Chong, menjelaskan bahawa pergerakan pasaran jangka pendek dipengaruhi oleh faktor di luar kawalan syarikat.

"Tanggungjawab kami sebagai pengurusan adalah melaksanakan secara konsisten, menyampaikan projek dengan tekun, dan membina kejelasan pendapatan lestari dari masa ke masa," kata Yee Chong.

Tambah beliau lagi: "Kami memasuki pasaran untuk membina perniagaan yang lebih kukuh dan berskala. Fokus kami kekal pada pelaksanaan berdisiplin dan menyampaikan nilai lestari kepada semua pihak berkepentingan".

Sebagai bukti pengukuhan operasinya, Greenergy mencatatkan prestasi membanggakan pada 2025 dengan memperoleh beberapa projek Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Komisyen (EPCC) serta bekalan sistem. [

Antara pencapaian utama termasuk kontrak EPCC bernilai RM40.6 juta bagi pembinaan kemudahan tenaga stim biojisim berkapasiti 70 tan sejam di Pasir Gudang, Johor.

Projek yang dijangka siap pada 31 Julai 2027 itu bakal meningkatkan kapasiti pengeluaran stim biojisim pelanggan sedia ada sebanyak tiga kali ganda.

Keupayaan Greenergy turut terbukti melalui perniagaan sistem penjana turbin stimnya, di mana syarikat telah membekalkan 337 unit turbin stim sejak tahun 2022 hingga 2025.

Syarikat kini mengutamakan usaha untuk memperoleh projek baharu di Asia Tenggara, Afrika, dan Amerika Latin dalam jangka masa pendek.